



## PM terima SPDK dari Yang Dipertua Sabah

**YANG** Dipertua Negeri Sabah, Tun Haji Mohd. Adnan Robert (kanan) mengurniakan darjah tertinggi Seri Panglima Darjah Kinabalu (SPDK) kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di satu istiadat ringkas di Istana Kota Kinabalu, Sabah kelmarin.

Kurniaan itu sempena ulang tahun Yang

Dipertua Negeri ke-56 pada 10 September lalu.

Turut menyaksikan ialah Toh Puan Hajah Mariam Robert, Datin Seri Dr. Siti Hasmah, Menteri

Wilayah Persekutuan, Datuk Pengeran Haji Othman Rauf dan Timbalan Ketua Menteri, Datuk James Ongkili.